



madah kita

A newsletter for Customers, Business Partners and Employees
Berita untuk Pelanggan, Rakan Perniagaan dan Pekerja

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)

January - June 2020



A close-up photograph of a vibrant green leaf. The leaf's surface is covered in numerous small, clear water droplets of varying sizes, some appearing as sharp points of light against the dark green background. The lighting is soft, creating a natural and organic feel.

**Weathering the storm
Together**



Group CEO's Message

Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

Salam Sejahtera!

The start of 2020 saw the entire world face difficult and uncertain times with the emergence and sudden spread of COVID-19, with Malaysia going into a Movement Control Order period in March 2020.

As a waste management service provider, our business is considered essential during times of crisis especially as a critical industry in the safeguarding of public health and hygiene. We have fulfilled all the operating requirements of the Government and public health authorities, and proactively implemented a range of precautionary measures, from stringent sanitisation and cleaning procedures, to workplace distancing, temperature checks and more. Our highest priority is the health and welfare of our employees, our customers and their families. Read about our collective efforts in preventing the spread of COVID-19 inside.

Such troubling times has nevertheless brought out the best in many. From the global pandemic we have seen what is born from the incredible strength, dedication and resilience of the research and public healthcare community as well as other front-liners; and experienced the heartfelt support and solidarity of the global community. The current crisis has also shown how interconnected the world is today. While it has presented many challenges, it has also enabled some remarkable solutions – solutions that have harnessed coordinated joint actions to fulfil people's essential needs.

This year will surely go down in history, not just for the pandemic, but for the many ways in which people chose to unite in supporting the vital efforts of those who continue to provide essential goods and services.

I am especially grateful to all Trienekens' logistics team members, as well as our team members managing the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) and the Kidurong site in Bintulu who have unfailingly continued to give their best in the face of adversity. In addition to taking care of the communities' waste, they had to ensure that their own families were taken care of as well.

We may still have some way to go but there is light at the end of the tunnel. With everyone's commitment in serving the communities, all of us at Trienekens will continue to support the various Government initiatives so the communities we serve remain safe and healthy.

Thank you once again to the front-liners of Trienekens, our heroes. My thanks also goes to the supporting back office team members as well for continuing to engage with our customers, stakeholders and of course for supporting each other.

Take care and stay safe.

Salam Sejahtera!

Awal 2020 menyaksikan seluruh dunia menghadapi masa yang sukar dan tidak menentu dengan kemunculan dan penyebaran COVID-19, dengan Malaysia memasuki tempoh Perintah Kawalan Pergerakan pada bulan Mac 2020.

Sebagai pembekal perkhidmatan pengurusan sisa, perniagaan kami dianggap penting bila berlakunya krisis terutamanya sebagai industri kritikal dalam menjaga kesihatan dan kebersihan awam. Kami telah memenuhi semua syarat operasi yang ditetapkan oleh Kerajaan dan pihak berkuasa kesihatan awam, dan melaksanakan pelbagai langkah pencegahan, termasuk proses sanitasi yang ketat, prosedur pembersihan, penjaraian sosial di tempat kerja, pemeriksaan suhu badan dan lain-lain. Paling diutamakan adalah kesihatan dan kebajikan pekerja, pelanggan serta keluarga mereka. Baca mengenai usaha kolektif kami memerangi penyebaran COVID-19 di halaman selanjutnya.

Walau bagaimanapun, situasi yang membimbangkan ini turut menyerlahkan kebaikan dalam banyak perkara. Melalui pandemik global ini, kita melihat lahirnya kekuatan, dedikasi dan ketahanan luar biasa komuniti penyelidikan dan kesihatan awam serta petugas barisan hadapan yang lain; dan juga menerima sokongan ikhlas dan perpaduan daripada masyarakat global. Krisis semasa juga menunjukkan betapa saling berhubungnya dunia sekarang ini. Walaupun berdedah dengan banyak rintangan, ia juga memberikan beberapa penyelesaian luar biasa - penyelesaian yang memanfaatkan tindakan bersama demi memenuhi keperluan penting masyarakat.

Tahun ini pasti akan tercatat dalam sejarah, bukan sahaja mengenai pandemik tetapi juga bagaimana masyarakat telah memilih untuk bersatu menyokong usaha penting golongan yang menyediakan barang dan perkhidmatan penting.

Saya amat berterima kasih kepada semua ahli pasukan logistik Trienekens dan ahli pasukan kami yang mengurus Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) dan tapak Kidurong di Bintulu yang terus berusaha memberikan yang terbaik walaupun menghadapi kesukaran. Selain mengurus sisa sampah masyarakat, mereka juga harus memastikan keluarga mereka sendiri juga dijaga.

Perjalanan kita masih jauh namun ada cahaya di penghujung jalan. Dengan komitmen setiap anggota untuk berkhidmat kepada komuniti, kita di Trienekens akan terus menyokong pelbagai inisiatif Kerajaan agar komuniti kita kekal aman dan sihat.

Terima kasih sekali lagi kepada petugas barisan hadapan Trienekens, wira-wira kita. Ucapan terima kasih saya ucapkan juga kepada pasukan sokongan pejabat kerana terus berinteraksi dengan pelanggan, pihak berkepentingan dan tentunya kerana saling menyokong satu sama lain.

Jaga diri dan kekal selamat.

CONTENTS / KANDUNGAN

Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- Driving Collaborative Innovation 02
Memacu Inovasi Usahasama

HSE

- Preparing For The Unexpected 06
Bersedia Tangani Jangkaan Tidak Diduga
- Preventing COVID-19 At The Workplace 08
Mencegah COVID-19 Di Tempat Kerja

Human Resources / Sumber Manusia

- A New Paradigm In Learning 09
Paradigma Baru Dalam Pembelajaran

Special Feature / Rencana Khas

- Weathering The Storm Together #TheFaceBehindMyWaste 12
Bersama Menempuh Badai #WajahDiSebalikSisa
- Trienekens Celebrates World Environment Day With Customers 14
Trienekens Sambut Hari Alam Sekitar Sedunia Bersama Pelanggan
- “Green Synergy” Shows Encouraging Results 16
“Sinergi Hijau” Catat Keputusan Menggalakkan
- Supporting The Community 17
Menyokong Komuniti

Our People / Rakan Sekerja Kita

- Promotions / Kenaikan Pangkat 19
- New Team Members / Tenaga Kerja Baru 20

Spot The Difference / Carikan Perbezaan


21

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:
Katherine Kong

Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:
Julan Yu Abit
Janet J. Balong

Contributors / Penyumbang:
Anthea Lee
Anthea Thomas
Clare Kho
Dayang Sherrynazra
Deanna Michele Bain



Driving Collaborative Innovation

Memacu Inovasi Usahasama

Strategic partnerships can help businesses broaden their relevance and increase their addressable market; besides expanding development opportunities by exploring new perspectives and expertise. In addition, deepening ties between organisations fosters collaboration and longevity, and allows companies to offer services and solutions that help their customers and other businesses become more successful. Trienekens actively facilitates cooperation with various stakeholders including industry members, public authorities, corporate organisations and others. Through initiatives such as audits, information-sharing sessions and other joint programmes, the company hopes to continuously improve its operations and business efficiency.

Kerjasama strategik membantu memastikan perniagaan sentiasa relevan dan meningkatkan pasaran mereka serta mengembangkan peluang pembangunan dengan menerokai perspektif dan kepakaran baharu. Di samping itu, hubungan erat antara organisasi menggalakkan kolaborasi dan kelanjutan, dan membolehkan syarikat-syarikat menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian yang membantu pelanggan mereka dan perniagaan lain menjadi lebih berjaya. Trienekens secara aktifnya memudahkan kerjasama di antara pelbagai pihak berkepentingan termasuk anggota-anggota industri, pihak berkuasa awam, organisasi korporat dan lain-lain. Melalui inisiatif-inisiatif seperti audit, sesi perkongsian maklumat dan program kerjasama yang lain, syarikat berharap dapat terus meningkatkan operasi dan kecekapan perniagaannya.



Sabah Shell Petroleum Company Limited was at Trienekens' head office for a Contract HSSE Plan meeting and Greenbanding review in December 2019. The annual review is conducted to ensure compliance to Shell's requirements as well as to strengthen HSE practices within the company. Trienekens' Group CEO, Stephen Chin (standing, 4th right) is pictured here with Shell's Lim Kah Yong, Matthews Emban, Cody Chong and Nick Lee (standing 1st, 2nd, 5th and 6th left respectively) along with other Trienekens' staff.

Pada Disember 2019, Syarikat Petroleum Sabah Shell Berhad berada di ibu pejabat Trienekens untuk menghadiri mesyuarat Pelan Kontrak HSSE dan ulasan Greenbanding. Ulasan tahunan ini dibuat bagi memastikan syarikat patuh kepada keperluan-keperluan Shell dan memperkasa amalan-amalan HSE di dalam syarikat. CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (berdiri, ke-4 kanan) bergambar bersama wakil-wakil Shell iaitu Lim Kah Yong, Matthews Emban, Cody Chong dan Nick Lee (masing-masing berdiri dari kiri pertama, ke-2, ke-5 dan ke-6) bersama staf Trienekens



In February, the management of PCSB Sarawak Oil; Ahmad Tarmizi bin Jaafar (Manager, HSE SK Oil), Morris ak Mail (Head, Sarawak Oil) and Azizah bt Mohd Deli (TP Staff Environment) - standing 3rd, 5th and 7th left respectively - were at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) for a Management engagement session with Trienekens. They are pictured here with Trienekens' Group CEO, Stephen Chin (5th right); Deputy Group CEO, Elvin Wee (2nd right); General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (3rd right) as well as (from left) Business Development Division Manager, Jeremy Sim; HSE Senior Manager, Harris Michael; HWI Department Manager, Geoji Jusua; and Bintulu Branch Senior Manager, Patricia Nyisong.

Pada bulan Februari, pihak pengurusan PCSB Sarawak Oil; Ahmad Tarmizi bin Jaafar (Pengurus, HSE SK Oil), Morris ak Mail (Ketua, Sarawak Oil) dan Azizah bt Mohd Deli (Staf TP Environment) – berdiri ke-3, ke-5 dan ke-7 kiri – berada di Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) untuk sesi perbincangan bersama Trienekens. Mereka bergambar bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (ke-5 kanan); Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Elvin Wee (ke-2 kanan); Pengurus Besar Rawatan & Pelupusan, Simon Chow (ke-3 kanan) dan juga (dari kiri) Pengurus Bahagian Pembangunan Perniagaan, Jeremy Sim; Pengurus Kanan HSE, Harris Michael; Pengurus Bahagian HWI, Geoji Jusua; dan Pengurus Kanan Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong.



Trienekens also hosted representatives of the Department of Environment (DoE) Sarawak to a meeting and site visit at the Kuching Integrated Waste Management Park on 19 February. Trienekens' Group CEO, Stephen Chin welcomed the visitors, who were led by DoE Sarawak Director, Hamzah bin Mohamad (5th right). Also pictured here are Deputy Director (Development) Mohamad Zaihan bin Lek (3rd right); Deputy Director (Operations), Ahmad Saifful bin Salihin (2nd right) with other Trienekens' staff. The programme was part of the company's efforts to improve its sustainability performance through joint initiatives involving experience and information-sharing with the relevant authorities.

Trienekens juga menyambut kedatangan wakil-wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menghadiri mesyuarat dan lawatan teknikal tapak di Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) pada 19 Februari. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin menyambut kunjungan pelawat yang diketuai Pengarah JAS Sarawak, Hamzah bin Mohamad (ke-5 kanan). Turut bergambar adalah Timbalan Pengarah (Pembangunan) Mohamad Zaihan bin Lek (ke-3 kanan); Timbalan Pengarah (Operasi) Ahmad Saifful bin Salihin (ke-2 kanan) bersama staf Trienekens lain. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha syarikat meningkat prestasi kelestarian melalui inisiatif bersama yang melibatkan perkongsian pengalaman dan maklumat dengan pihak berkuasa yang relevan.



On 26 February, Trienekens' Bintulu Branch participated in a seminar organised by the Department of Environment (DoE) Sarawak, at the Promenade Hotel, Bintulu. Attended by scheduled waste generators from various industries throughout Sarawak, the seminar provided in-depth knowledge and information on the safe management of hazardous waste according to the prescribed laws and regulations. Trienekens also participated in the exhibition segment of the event. Seen here are (from left) DoE Sarawak Deputy Director (Development), Mohamad Zaihan bin Lek; DoE Sarawak Director, Hamzah bin Mohamad; Trienekens' Bintulu Branch Senior Manager, Patricia Susie Nyisong; Mazli bin Hafiz (Head, DoE Bintulu Branch) and other Trienekens' staff.

Cawangan Bintulu Trienekens mengambil bahagian dalam seminar anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak di Hotel Promenade, Bintulu pada 26 Februari. Dihadiri oleh para penjana sisa terjadual dari pelbagai industri di Sarawak, seminar tersebut menyediakan pengetahuan dan maklumat terperinci tentang pengurusan selamat sisa berbahaya mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Trienekens juga turut serta dalam acara pameran. Dilihat di sini (dari kiri) Timbalan Pengarah JAS Sarawak (Pembangunan), Mohamad Zaihan bin Lek; Pengarah JAS Sarawak, Hamzah bin Mohamad; Pengurus Kanan Cawangan Bintulu Trienekens, Patricia Susie Nyisong; Mazli bin Hafiz (Ketua, Cawangan JAS Bintulu) dan staf Trienekens lain.



Trienekens actively works with fellow industry members in pursuing the development of green technology and modern waste management systems. In February, the company met with representatives from the Embassy of the Kingdom of the Netherlands as well as from the Waste Management Association of Malaysia (WMAM). (Left photo) Senior Economic Officer for Water & Waste Management from the Embassy of the Kingdom of the Netherlands, Dr Jasmine Hue (3rd left) is seen here with (from left) Trienekens' Group Corporate Affairs Senior Manager, Katherine Kong; Group CEO, Stephen Chin; and Division Manager for Corporate Communications, Julian Yu Abit. (Right photo) WMAM Manager and Chair of the ISWA YPG Malaysia Chapter, Rachele Chwee (extreme right) and WMAM Honorary Secretary & Chairman of Marketing & Communications Committee, Mohd Radhi Cheah (2nd right) are photographed with Trienekens' Group CEO, Stephen Chin; Group Corporate Affairs Senior Manager, Katherine Kong; and Division Manager for Corporate Communications, Julian Yu Abit.

Trienekens bekerjasama secara aktif dengan rakan-rakan industri dalam pembangunan teknologi hijau dan sistem pengurusan sisa moden. Pada bulan Februari, syarikat telah bertemu dengan perwakilan dari Kedutaan Kerajaan Belanda dan Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM). (Gambar kiri) Pegawai Ekonomi Kanan Pengurusan Air dan Sisa dari Kedutaan Kerajaan Belanda, Dr. Jasmine Hue (ke-3 kiri) bergambar bersama (dari kiri) Pengurus Kanan Kumpulan Hal-Ehwal Korporat, Katherine Kong; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Stephen Chin; dan Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Julian Yu Abit. (Gambar kanan) Pengurus Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM) dan Ketua Bab ISWA YPG Malaysia, Rachele Chwee (hujung kanan) dan Setiausaha Kehormat & Ketua Jawatankuasa Pemasaran dan Komunikasi, Mohd Radhi Cheah (ke-2 kiri) bergambar bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Stephen Chin; Pengurus Kanan Kumpulan Hal-Ehwal Korporat, Katherine Kong; dan Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Julian Yu Abit.



OPS Air Raya 2020... the Department of Environment (DoE) Sarawak together with the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak and the Department of Occupational Safety And Health (DOSH) were at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) as part of the agencies' "OPS Air Raya 2020" programme in May. The joint enforcement programme focused on preventing river contamination and other issues during the coming festive season, while also inspecting companies' implementation of government issued Standard Operating Procedures (SOP) for the conditional movement control order (CMCO) period. In KIWMP, effluent was sampled for analysis to confirm compliance to the EQ (Control of Pollution from Solid Waste Transfer Stations and Landfills) Regulation 2009. The Company's practices on Workplace SOPs for the prevention of COVID-19 was also inspected by DOSH.

OPS Air Raya 2020... Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak bersama Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) berada di Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) sebagai sebahagian daripada program "OPS Air Raya 2020" pada Mei lalu. Fokus program tertumpu kepada pencegahan pencemaran air dan isu-isu lain menjelang musim perayaan sambil memeriksa pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) syarikat yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk tempoh perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB). Di KIWMP, sampel efluen telah diambil untuk dianalisa bagi mengesahkan kepatuhan kepada peraturan EQ (Kawalan Pencemaran dari Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Tapak Pelupusan Sisa 2009). Amalan syarikat berkenaan SOP tempat kerja bagi pencegahan COVID-19 juga diperiksa oleh DOSH.

Preparing For The Unexpected

Bersedia Tangani Jangkaan Tidak Diduga

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd regularly carries out risk assessments in accordance with the company's Health, Safety & Environment (HSE) policies. In addition to having an enacted Emergency Response and Preparedness Plan as well as procedures in place, specific risk assessments also include identification of hazards as well as the persons most at risk and ways to minimise such risks. To further cultivate a "safety is our priority" mindset amongst all staff; the company's HSE Division conducted several emergency response drills involving team members from different departments in the final quarter of 2019.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd kerap melakukan penilaian risiko selari dengan polisi-polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) syarikat. Selain melaksanakan Pelan Tindakan Kecemasan dan Kesiapsagaan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan, penilaian risiko juga melibatkan aktiviti mengenal pasti bahaya-bahaya termasuk pekerja-pekerja yang mudah terdedah kepada bahaya dan cara-cara mengurangkan risiko-risiko tersebut. Bagi memupuk pemikiran "keselamatan adalah keutamaan kita" di kalangan staf; Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam sekitar (HSE) syarikat telah menjalankan dril pelan tindakan kecemasan yang melibatkan ahli pasukan dari pelbagai jabatan pada suku akhir tahun 2019.

Training and Drill with BOMBA / Latihan dan Dril bersama BOMBA



The company's Emergency Response Team (ERT) members attended an intensive 3-day training programme at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) conducted by the Fire and Rescue Department (FRD/BOMBA) Tabuan Jaya Branch. Focusing specifically on the handling of hazardous chemical substances, the training addressed dealing with emergency situations involving chemical spillages including proper decontamination practices; spillage containment and clean-up; fire fighting; the necessary tools needed as well as how to properly use the equipment.

Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) syarikat menghadiri program latihan intensif tiga hari di Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) yang dikendalikan oleh Jabatan BOMBA dan Penyelamat Cawangan Tabuan Jaya. Tertumpu kepada pengendalian bahan kimia berbahaya, latihan tersebut menunjukkan cara menangani tumpahan bahan kimia termasuk amalan nyahcemar yang betul; membendung dan membersih tumpahan; memadam api; alat-alat yang diperlukan serta cara menggunakan peralatan dengan betul.

The programme culminated with a simulation drill that witnessed participants putting what they learned into practice under the observation of FRD officers. While ERT members were mobilised to control the simulated chemical spill and fires, team leaders also coordinated the evacuation and rescue of affected facility staff. A post-event assessment and analysis of findings and observations were later discussed.

Program diakhiri dengan latihan simulasi yang menyaksikan para peserta mempratikkan apa yang telah dipelajari di bawah pemerhatian Pegawai BOMBA. Sementara pasukan ERT bergerak untuk mengendali simulasi tumpahan dan kebakaran bahan kimia, ketua anggota pasukan bertindak membuat pemindahan dan penyelamatan para pekerja yang terjejas. Penemuan dan pemerhatian kemudiannya dibincangkan melalui satu sesi penilaian dan analisis.

Emergency Night Drill For TENORM Handlers

Dril Kecemasan Waktu Malam Bagi Pengendali TENORM



Technically Enhanced Naturally Occurring Radioactive Materials (TENORM) is present in all geological materials. Trienekens collects, transports and disposes of TENORM waste generated mainly from the oil and gas industry in sludge or liquid form. The company's registered TENORM handlers underwent an emergency night drill for the spillage of TENORM Waste to ensure that they understand and are able to handle such spillage emergencies especially when faced with high-pressure situations; such as a hazardous spill at night. The exercise also aimed to help the staff respond in a quick, calm and safe manner.

Bahan Radioaktif Yang Wujud Semula Jadi Dengan Teknologi Yang Dipertingkatkan (TENORM) hadir dalam semua bahan geologikal. Trienekens mengumpul, mengangkut dan membuang sisa TENORM yang terhasil daripada industri minyak dan gas dalam bentuk encap cemar atau cecair. Pengendali TENORM syarikat yang berdaftar telah menjalani dril kecemasan tumpahan sisa TENORM waktu malam bagi memastikan bahawa mereka memahami dan mampu menangani kecemasan ketika menghadapi situasi bertekanan tinggi; seperti tumpahan berbahaya pada waktu malam. Latihan ini juga bertujuan untuk membantu para pekerja bertindak balas dengan cepat, tenang dan selamat.

Preventing COVID-19 At The Workplace

Mencegah COVID-19 Di Tempat Kerja

The COVID-19 pandemic is one of the biggest challenges that today's societies and businesses have ever faced. Prevention and mitigation of COVID-19 in the workplace requires effective processes of risk assessment and risk management. In helping to tackle the pandemic and protect its employees, Trienekens started with an aggressive awareness campaign to ensure that all team members were well informed about how the virus spreads, the symptoms of infection and how to minimise exposure.

As an essential service provider, Trienekens' operations of collecting, transporting, treating and disposing of waste continued with extra precaution amidst the nationwide movement control order period which started in March 2020. The company had fulfilled all the requirements of the Government and public health authorities, and proactively implemented a range of precautionary measures with full compliance to the Standard Operating Procedures provided by the Ministry of Health. Initiatives included stringent sanitisation and cleaning procedures, provision of personal protective equipment (PPE), installation and provision of hand sanitisers around the company's premises, provision of Vitamin C for staff, workplace distancing, body temperature checks and more.

Pandemik COVID-19 merupakan satu cabaran terbesar yang pernah dihadapi masyarakat dan perniagaan masa kini. Pencegahan dan pengurangan COVID-19 di tempat kerja memerlukan proses penilaian risiko dan pengurusan risiko yang efektif. Dalam membantu mengatasi pandemik dan melindungi para pekerjanya, Trienekens memulakan kempen kesedaran secara agresif bagi memastikan semua ahli pasukan mendapat maklumat tentang cara virus tersebut, gejala-gejala jangkitan dan cara mengurangkan pendedahan.

Sebagai pembekal perkhidmatan penting, operasi Trienekens mengumpul, mengangkut, merawat dan membuang sisa diteruskan dengan lebih berwaspada sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan di seluruh negara yang bermula Mac 2020. Syarikat ini telah memenuhi kesemua syarat Kerajaan dan pihak berkuasa kesihatan awam, dan melaksanakan secara proaktif pelbagai langkah pencegahan dengan mematuhi sepenuhnya prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan. Inisiatif termasuk protokol sanitasi dan pembersihan yang ketat, penyediaan kelengkapan pelindung diri (PPE), pemasangan dan penyediaan pensanitasi tangan di sekitar premis syarikat, bekalan Vitamin C untuk para pekerja, penjarakan sosial di tempat kerja, pemeriksaan suhu badan dan lain-lain.



"The New Normal" in Trienekens... (clockwise from top) disinfecting the office; scanning of body temperature; and frequent disinfection of receptacles and vehicles are just some of the precautionary measures put in place.

"Norma Baharu" di Trienekens... (ikut arah jam) menyahjangkit pejabat; pemeriksaan suhu badan; serta proses menyahjangkit peralatan dan kenderaan dilakukan sebagai langkah pencegahan.

A New Paradigm In Learning

Paradigma Baru Dalam Pembelajaran

In the current extremely competitive job market that constantly experiences fast-paced changes and dramatic technological developments, staying committed to professional growth and fulfilling continued learning helps one to adapt and flourish professionally. In promoting employee development and growth, the Group Human Resources Division organised several training programmes to best address the different needs of Trienekens' employees.

Dalam pasaran pekerjaan yang amat kompetitif dan melalui perubahan pantas serta perkembangan teknologi dramatik, amat penting bagi seseorang untuk komited dalam perkembangan profesional dan meneruskan pembelajaran agar mereka dapat menyesuaikan diri dan berkembang secara profesional. Dalam mempromosi pembangunan dan perkembangan pekerja, Bahagian Sumber Manusia Kumpulan menganjurkan beberapa program latihan untuk melengkapi pelbagai keperluan para pekerja Trienekens.

Road Safety Awareness Training by Shell / Latihan Kesedaran Keselamatan Jalan Raya oleh Shell



In December 2019, Trienekens' scheduled waste drivers attended a half-day training session by Sabah Shell Petroleum Co./Sarawak Shell Bhd. The programme covered various crucial driving-related topics including Fatigue Awareness and other defensive driving techniques; Journey Management, which stressed on time management and journey planning; besides also highlighting the importance of having the right mindset while driving. The training was conducted by Matthews Emban (SMEP Land Transport Manager), and Nick Lee (Road Transport Assurance & Governance), seated 2nd right and far left respectively.

Para pemandu sisa terjadual Trienekens telah menghadiri sesi latihan separuh hari oleh Sabah Shell Petroleum Co./ Sarawak Shell Bhd. Sesi latihan merangkumi pelbagai topik penting berkaitan pemanduan termasuk Kesedaran Keletihan dan lain-lain teknik pemanduan berhemah; Pengurusan Perjalanan, yang menekankan pengurusan masa dan perancangan perjalanan; di samping menekankan pentingnya mempunyai pemikiran yang betul semasa memandu. Sesi latihan itu dikendalikan oleh Matthews Emban (Pengurus Pengangkutan Darat SMEP), dan Nick Lee (Kawalan & Urus Tadbir Jalan Raya), masing-masing duduk ke-2 dari kanan dan paling kiri.

Team Building for Bintulu Branch / Membina Pasukan Untuk Cawangan Bintulu



In November 2019, employees of Trienekens' Bintulu Branch attended a special teambuilding workshop themed "Effective Communication For Teams". About 30 staff participated in the full-day programme which was conducted by trainer Luke Bong (seated, 4th right) from SMT Learning Solutions PLT. The training aimed to incorporate effective communication practices between staff, increase the amount of communication between team members and encourage teamwork and creativity in problem solving. Also in attendance were Group Human Resources Division Manager, Clare Kho (seated, 2nd left); Deputy Group CEO, Elvin Wee (seated, 3rd left) and Bintulu Branch Senior Manager, Patricia Susie Nyisong (seated, 5th right).

Pada November 2019, para pekerja Cawangan Bintulu telah menyertai bengkel bina pasukan yang bertemakan "Komunikasi Efektif Untuk Pasukan". Dihadiri 30 staf, program sehari tersebut dikendalikan Luke Bong (duduk, ke-4 kanan) dari SMT Learning Solutions PLT. Sesi tersebut bertujuan menerapkan amalan komunikasi efektif dan meningkatkan komunikasi di antara ahli pasukan serta menggalak semangat berpasukan dan kreativiti dalam menyelesa masalah. Turut hadir Pengurus Bahagian Sumber Manusia Kumpulan, Clare Kho (duduk, ke-2 kiri); Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Elvin Wee (duduk, ke-3 kiri) dan Pengurus Kanan Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong (duduk, ke-5 kanan).

Media Communication During Crisis / Komunikasi Media Semasa Krisis

A crisis is a situation that threatens the integrity or reputation of a brand, company or individual, and is usually aggravated by adverse and negative media attention. However, if handled correctly the damage of such crisis can be minimized. With that in mind, more than 50 Trienekens staff attended the "Media Communication During Crisis" training in two separate groups in November 2019. Conducted by trainer S. Suresh Kumar of Exceed Management Sdn Bhd, the full-day workshop was designed to enable participants handle and manage the media professionally and effectively during a crisis.

Krisis adalah situasi yang mengancam integriti atau reputasi sesuatu jenama, syarikat atau individu, dan biasanya dirumitkan oleh perhatian media yang buruk dan negatif. Namun, jika ditangani dengan cara yang betul kesan buruk sesuatu krisis itu dapat dikurangkan. Berbekalkan panduan ini, 50 staf Trienekens menghadiri latihan "Komunikasi Media Semasa Krisis" dalam dua kumpulan berasingan pada bulan November 2019. Dikendalikan oleh pelatih S. Suresh Kumar dari Exceed Management Sdn Bhd, bengkel satu hari itu melatih para peserta berurusan dengan media secara profesional dan berkesan ketika melalui sesuatu krisis.



Digital Learning with iLMU / Pembelajaran Digital dengan iLMU



Clockwise from top: Launching of “iLMU” by Group CEO, Stephen Chin; staff attend iLMU’s inaugural learning session; iLMU’s startup team of trainers.

Ikut arah jam dari atas: Pelancaran “iLMU” oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Stephen Chin; para pekerja menghadiri sesi pembelajaran pertama iLMU; kumpulan permulaan pelatih iLMU.

Trienekens launched its self-learning mobile application, iLMU powered by PocketSEED on 20 November 2019. The application is a catalyst for how Trienekens trains, teaches and develops its people, and has come to be especially beneficial in the wake of the COVID-19 pandemic as it enables remote learning with a wider reach.

iLMU was designed for workplace learning, delivering bite-sized, engaging content for easy learning, application and sharing of knowledge. All learning modules are developed by the company’s own team of trainers, who underwent PocketSEED’s Train-the-Trainer workshop series in November 2019. The use of iLMU ensures easier measurement of training effectiveness with pre and post assessments recorded and backed up on a web server. The app also acts as a platform to engage workers’ feedback on the relevance of operational practice versus procedures.

Trienekens melancarkan aplikasi mudah alih pembelajaran kendiri, iLMU yang digerakkan oleh PocketSEED pada 20 November 2019. Aplikasi tersebut menjadi pemangkin kepada cara Trienekens melatih, mengajar dan menbangun pekerjanya. Ia amat bermanfaat ketika pandemik COVID-19 muncul kerana ia membolehkan pembelajaran jarak jauh dengan jangkauan lebih luas.

iLMU direka bagi memudahkan pembelajaran di tempat kerja. Ia menyampaikan kandungan padat, menarik dan mudah untuk dipelajari, diamalkan dan dikongsi bersama. Kesemua modul pembelajaran disediakan oleh pasukan pelatih syarikat sendiri yang menjalani bengkel ‘Train-the-Trainer’ POCKETSEED 2019 pada bulan November 2019. Penggunaan iLMU memastikan keberkesanan latihan dapat ditentukan dengan lebih mudah melalui penilaian sebelum dan selepas latihan. Ia kemudiannya direkod dan disimpan di dalam pelayan web. Aplikasi ini juga bertindak sebagai platform untuk mendapatkan maklum balas pekerja tentang kesesuaian amalan operasi berbanding prosedur.

Weathering The Storm Together

#TheFaceBehindMyWaste

Bersama Menempuh Badai #WajahDiSebalikSisa

The International Solid Waste Association (ISWA) Young Professionals Group (YPG) recently launched its flagship project for 2020, #TheFaceBehindMyWaste campaign which focused on celebrating those who manage waste every day even in times of natural disasters and pandemics.

Participating in the campaign via its official Facebook page in a small virtual photo exhibition, Trienekens highlighted some of its team members who worked hard to help keep the city of Kuching clean, healthy and beautiful. The company takes pride in what it does and appreciates all the support it has received from everyone especially during this unprecedented COVID-19 crisis.

Persatuan Sisa Pepejal Antarabangsa (ISWA) Kumpulan Profesional Muda (YPG) baru-baru ini melancarkan projek utamanya untuk 2020, iaitu kempen #WajahdiSebalikSisa yang meraikan individu-individu yang mengurus sisa walaupun di saat bencana atau pandemik.

Trienekens telah menyertai kempen tersebut melalui pameran foto virtual di laman Facebook rasmi ISWA dan menengahkan beberapa anggota pasukannya yang bekerja keras memastikan Bandaraya Kuching bersih, sihat dan indah. Syarikat berbangga dengan apa yang ia lakukan dan menghargai semua sokongan yang telah diterima dari semua pihak terutamanya semasa berhadapan dengan krisis COVID-19 yang tidak dijangka ini.



Jelani bin Ahmad Ujang

Jelani bin Ahmad Ujang, 38, works as a loader with Trienekens' Municipal Waste collection team. Like everyone else, Jelani is trying his best to adapt to the new normal.

“These days, we have to take cleanliness and personal hygiene seriously and I am happy that the company is taking the necessary safety and health precautions,” said Jelani. “Wearing mask and gloves are important in making sure we are safe. Initially, I was worried of getting infected but with all the measures taken, I am not too worried as I am cautious myself and my family reminds me to be careful too.”

Jelani’s wife Suzzi binti Karim, 37, says “I am proud of my husband because he is doing a good job. My hope for him every day is that he comes home safe.”


Jelani bin Ahmad Ujang, 38, bekerja sebagai pemungah bersama pasukan kutipan Sisa Municipal Trienekens. Seperti orang lain, Jelani juga berusaha sedaya-upaya membiasakan diri dengan norma baharu.

“Kebelakangan ini, kami mengambil berat tentang kebersihan dan kesihatan diri dan saya gembira kerana syarikat telah mengambil langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang sewajarnya,” kata Jelani. “Memakai pelitup muka dan sarung tangan memastikan kita selamat. Pada mulanya, saya khuatir mendapat jangkitan tetapi dengan langkah-langkah yang telah diambil, saya tidak begitu risau kerana saya juga berwaspada dan keluarga juga mengingati saya agar berhati-hati.”

Isteri Jelani, Suzzi binti Karim, 37, berkata “Saya berbangga dengan suami saya kerana dia membuat kerja yang baik. Harapan saya buat beliau ialah agar dia dapat pulang ke rumah dengan selamat.”

Nathan Paul Dio, 31, who is also a loader says that he continues to work as usual except now, he has to practise extra precaution. “My family is important to me so every time I come home after work, I must bathe first before I play with my children,” said Nathan. “I am happy with the current work situation as everyone is taking care of each other.”

Nathan Paul Dio, 31, juga seorang pemungah berkata beliau terus bekerja seperti biasa kecuali sekarang dia harus lebih berwaspada. “Keluarga saya amat penting bagi saya. Setiap kali selepas saya balik kerja, saya akan mandi dahulu sebelum bermain dengan anak-anak,” kata Nathan. “Saya gembira dengan situasi kerja sekarang kerana semua saling menjaga antara satu sama lain.”



Nathan Paul Dio



Muhd Hisyamsul

Muhsin Hisyamsul, 33, is a driver attached with Trienekens' Municipal Waste collection team. Married with two children, Hisyamsul said, "As soon as I get home, I have to shower and clean myself before I can hug my kids." He shared "In the beginning, my family was worried about my health and safety but gradually, their fear and worry subsided as we have taken all the necessary measures to stay safe. Going to work now includes wearing mask, with frequent hand washing and sanitising, using extra gloves and we are also given vitamins to strengthen our immune system."

Syamsul's wife, Puspa Binti Ponijan, 35, also took extra precaution at home. "I prepare soap at the front of our house so he can wash his hands and feet before he enters the house," said Puspa. "Every time he goes out to work, I always remind him to stay safe by wearing mask, gloves and sanitise his hands. I am very proud of my husband because he helps to keep our country clean."

Muhsin Hisyamsul, 33, ialah pemandu di dalam pasukan kutipan Sisa Munisipal Trienekens. Berkahwin dengan dua orang anak, Hisyamsul berkata, "Sebaik sahaja saya tiba di rumah, saya mesti mandi dan bersihkan diri saya sebelum saya dapat memeluk anak-anak." Beliau berkongsi, "Pada mulanya, keluarga saya agak risau tentang kesihatan dan keselamatan saya tetapi lama-kelamaan, ketakutan dan keimbangan mereka reda kerana kami telah mengambil semua langkah yang perlu untuk kekal selamat. Sekarang, saya turun bekerja menggunakan pelitup muka, kerap membasuh tangan dan mensanitasi, memakai sarung tangan dan kami juga diberi vitamin untuk menguatkan sistem imun kami."

Isteri Syamsul, Puspa Binti Ponijan, 35, juga mengambil langkah berjaga-jaga di rumah. "Saya menyediakan sabun di hadapan rumah supaya dia boleh membasuh tangan dan kakinya sebelum masuk ke rumah," kata Puspa. "Setiap kali dia keluar bekerja, saya sering mengingatkannya untuk jaga keselamatan dengan memakai pelitup muka, sarung tangan dan mensanitasi tangannya. Saya amat bangga dengan suami saya kerana dia membantu memastikan negara kita kekal bersih."

Halmai bin Ogik, 53, is a driver attached with Trienekens' RoRo container service team. With the current situation, Halmai opines people should not move around as freely as before. "People have to abide by the rules and regulations established to prevent the spread of the disease. When I go to a customer's place, we have to follow their procedures to stay safe. Temperatures are checked every time we enter their premise," said Halmai. "We have to adapt to the new way of doing things while continuing our work to meet customers' demand."

Halmai bin Ogik, 53, ialah orang pemandu dari pasukan perkhidmatan kontena RoRo. Melihat kepada keadaan masa kini, Halmai berpendapat orang ramai tidak seharusnya bergerak bebas seperti dahulu. "Mereka harus mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan bagi menyekat penyebaran penyakit ini. Apabila saya tiba di tempat pelanggan, kami terpaksa mematuhi prosedur mereka agar kekal selamat. Suhu badan akan diperiksa setiap kali kami memasuki premis mereka," kata Halmai. "Kami terpaksa membiasakan diri dengan cara baharu dan pada masa sama, meneruskan kerja untuk memenuhi keperluan pelanggan."



Halmai bin Ogik



Davidson Regu

Davidson Regu, 41, is an attendant attached to Trienekens' Scheduled Waste collection team. Davidson said the pandemic changed the way they work.

"Even the office layout has changed because we have to practise social distancing. Floors are marked to indicate where we should stand while discussions are mostly done online. When we go out to work, I do worry a little because our line of work requires us to collect waste which may contain the virus. However, as front-liners, we still have to do our part and try our best to stay safe at all times."

Davidson Regu, 41, ialah seorang atendan di dalam pasukan kutipan Sisa Terjadual. Davidson berkata pandemik ini telah mengubah cara mereka bekerja.

"Susun atur pejabat berubah kerana kami terpaksa mengamalkan penjarakan sosial. Lantai ditanda sebagai panduan tempat berdiri sementara perbincangan dibuat secara dalam talian. Apabila kami keluar bekerja, saya juga risau kerana kerja kami memerlukan kami mengutip sisa yang mungkin tercemar dengan virus. Walau bagaimanapun, sebagai barisan hadapan, kami tetap menjalankan tanggungjawab kami dan berusaha sedaya upaya untuk kekal selamat setiap masa."

Trienekens Celebrates World Environment Day With Customers

Trienekens Sambut Hari Alam Sekitar Sedunia Bersama Pelanggan

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd marked this year's World Environment Day (WED) celebration together with its walk-in customers. Celebrated annually on 5 June by 100 countries, the theme this year was "Time for Nature". Through this celebration, the company hoped to highlight the importance of preserving the environment and its natural resources through sustainable practices and lifestyle.

According to UN Environmental Programme (UNEP), WED 2020 calls for urgent action to protect biodiversity and nature as it provides oxygen to breathe, purifies drinking water, ensures fertile soil, and produces the variety of foods required for humans to stay healthy and resist diseases. Living in harmony with nature can be achieved if the negative impacts of biodiversity loss are reversed while pursuing the full implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development.

In support of this year's WED theme and celebration, Trienekens gave away limited edition mini hydroponic sets to its walk-in customers in the days leading up to WED at its Head Office as a way to raise awareness and encourage customers' participation by learning how to grow their own vegetables at home.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) tahun ini bersama para pelanggan. Disambut setiap tahun pada 5 Jun 2020 di 100 negara, tema tahun ini adalah "Masa untuk Alam Semula Jadi". Melalui sambutan ini, syarikat berharap dapat menekankan betapa pentingnya memelihara alam semula jadi dan sumber alam melalui amalan dan gaya hidup yang lestari.

Menurut Program Alam Sekitar PBB (UNEP), WED 2020 menuntut tindakan segera untuk melindungi biodiversiti dan alam semula jadi kerana ia menyediakan oksigen untuk bernafas, membersihkan air minum, memastikan tanah subur, dan menghasilkan pelbagai makanan yang diperlukan agar manusia kekal sihat dan menentang penyakit. Hidup bersama alam semula jadi secara harmoni dapat dicapai sekiranya kesan negatif dari kehilangan biodiversiti dapat diterbalikkan sambil meneruskan pelaksanaan sepenuhnya Agenda Pembangunan Lestari 2030.

Selari dengan tema dan sambutan WED tahun ini, Trienekens menghadiahkan set hidroponik mini edisi terhad kepada para pelanggan pada hari-hari menjelang WED di Ibu Pejabat sebagai langkah meningkat kesedaran dan menggalak para pelanggan terlibat sama dan belajar cara-cara menanam sayur mereka sendiri di rumah.





“Green Synergy” Shows Encouraging Results “Sinergi Hijau” Catat Keputusan Menggalakkan



Trienekens' in-house employee awareness campaign, “Green Synergy” recently closed another year with 2019 registering encouraging results in the campaign's three consolidated environmental awareness programmes (Recycling, Energy Saving and Fuel Efficiency). Aiming to cultivate a culture of environmental care among employees, the programmes provide staff with convenient and easy access to basic recycling facilities and environmental education material, as well as awareness training.

Throughout 2019, the momentum of the office Recycling Programme had continued to show active participation from Trienekens' Headquarters (HQ) & Kuching Logistics (KLG), Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) and Bintulu Branch.

HQ & KLG exceeded the target of 5% for mixed plastic recycling with an increment of 29%, while Bintulu Branch achieved an impressive 42% increase compared to the previous year. Meanwhile, the decrease in mixed paper recycling in HQ/KLG and KIWMP (down by 9% and 21% respectively) is viewed as positive due to the conscious efforts by all staff to reduce the use of paper in the office. HQ & KLG also charted lower energy consumption compared to the previous year.

The KLG hook-lift truck team once more showcased the best results in the Fuel Efficiency Programme, surpassing the target of -2% KM/L by closing with -3% KM/L in comparison to the previous year.

2019 also saw the inclusion of KLG and Bintulu Branch's scheduled waste service vehicles under the Fuel Efficiency programme, as well as the continuation of the Campaign's health and safety components; “Stay Fit” and “Safety Synergy” programmes. These programmes aim to increase employees' level of awareness on the benefits of healthy living, besides encouraging and educating employees to practise easy, voluntary methods of staying healthy and safe.

Kempen kelestarian korporat Trienekens, “Sinergi Hijau” yang terdiri gabungan tiga program (Kitar Semula, Penjimat Tenaga dan Keefisienan Minyak) telah menutup tirai 2019 dengan keputusan menggalakkan. Bertujuan untuk memupuk budaya sayangkan alam sekitar di kalangan pekerja, program-program tersebut menyediakan peluang yang sesuai dan mudah untuk mengitar semula dan mendapatkan bahan-bahan pendidikan alam sekitar, termasuk latihan kesedaran.

Sepanjang 2019, momentum Program Kitar Semula Pejabat terus menunjukkan penglibatan aktif dari Ibu Pejabat (HQ) & Logistik Kuching (KLG), Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) dan Cawangan Bintulu.

HQ/KLG telah melebihi sasaran 5% pengumpulan plastik dengan kenaikan 29% sementara Cawangan Bintulu dengan kenaikan 42% berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, penurunan kitar semula kertas di HQ/ KLG dan KIWMP (masing-masing turun 9% dan 21%) dilihat sebagai positif kerana usaha aktif para pekerja mengurangkan penggunaan kertas di dalam pejabat. HQ/KLG juga mencatat penurunan penggunaan tenaga berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pasukan Trak ‘Hook-lift’ KLG sekali lagi berjaya mencatat keputusan terbaik dalam Program Keefisienan Minyak, melebihi sasaran penurunan sebanyak 2% KM/L berbanding dengan 3% KM/L pada tahun sebelumnya.

2019 juga menyaksikan penyertaan kenderaan sisa terjadual KLG dan Cawangan Bintulu dalam Program Keefisienan Minyak, serta kesinambungan komponen Kempen Kesihatan dan Keselamatan; iaitu program ‘Kekal Sihat’ dan “Sinergi Keselamatan”. Program-program ini tersebut bertujuan meningkatkan tahap kesedaran pekerja tentang faedah kehidupan sihat, selain menggalak dan mendidik mereka tentang amalan gaya hidup sihat dan selamat.

Supporting The Community

Menyokong Komuniti

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd's corporate social responsibility (CSR) initiatives and sustainability efforts are an integral part in achieving the company's objective of being a catalyst for positive change. With the aims of building a healthy, safe and environmentally sustainable community, the company's CSR plan includes a wide scope of programmes aligned to its corporate vision, mission and policies. Many activities under Trienekens' annual calendar of events are Health, Safety and Environment (HSE)-motivated, and focused on community development, environmental protection, public awareness and education.

Inisiatif dan usaha kelestarian tanggungjawab sosial korporat (CSR) Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd merupakan bahagian penting dalam mencapai objektif syarikat sebagai pemangkin perubahan positif. Dengan tujuan membina komuniti yang sihat, selamat dengan alam sekitar yang lestari, pelan CSR syarikat menggariskan skop program yang luas dan selari dengan visi, misi dan polisi korporat syarikat. Kebanyakan aktiviti di bawah kalendar acara tahunan Trienekens bermotivasikan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) dan memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti, perlindungan alam sekitar, pendidikan dan kesedaran awam.

DBKU and Trienekens Work with Community to Improve Bin Centres / DBKU dan Trienekens Bekerjasama dengan Komuniti Indahkan Pusat Tong Sampah



DBKU Mayor Datu Haji Junaidi bin Haji Reduan (5th right) and Trienekens' Group CEO, Stephen Chin (4th right) officiated the Bin Beautification project at Kampung Gita Kubur.

Datuk Bandar DBKU Datu Haji Junaidi bin Haji Reduan (ke-5 kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (ke-4 kanan) merasmikan projek mengindahkan pusat kumpul tong sampah di Kampung Gita Kubur bersama para penduduk dan staf DBKU.

In February, Kuching North City Hall (DBKU) and Trienekens worked together with several communities in the council's jurisdiction area to beautify and improve the condition of the communities' communal bin centres. The first bin centre to undergo a facelift was at Kampung Gita Kubur, marking the launch of similar efforts in other areas namely Kampung Semariang, Kampung Siol Kandis, Jalan Datuk Ajibah Abol, Tebingan Sungai Waterfront and Kampung Sungai Lumut.

Pada bulan Februari, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Trienekens bekerjasama dengan beberapa komuniti di sekitar kawasan Kuching Utara bagi mengindahkan dan memperbaiki keadaan pusat kutipan tong sampah mereka. Pusat pertama yang diubahsuai adalah di Kampung Gita Kubur dan ia memulakan usaha serupa di beberapa kawasan lain seperti Kampung Semariang, Kampung Siol Kandis, Jalan Datuk Ajibah Abol, Tebingan Sungai Waterfront dan Kampung Sungai Lumut.

Team TS Goes Plogging / Pasukan TS Sertai Program Plogging



(left) Trienekens' team members with staff members of Kuching North City Hall (DBKU) in a plogging session at the Kuching Waterfront while (right photo) Trienekens' Bintulu Branch joined Trash Hero Bintulu to clean up Tanjung Batu Beach. While Trash Hero Bintulu was led by its co-leader, Jiki John (third from right), Department of Environment Bintulu Branch Head, Mazli bin Hafiz (second left) along with his family were also present in support of the event.

(kiri) Ahli pasukan Trienekens bersama staf Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) hadir di program plogging di Tebingan Sungai Waterfront sementara (gambar kanan) Cawangan Bintulu Trienekens menyertai Trash Hero Bintulu membersihkan Pantai Tanjung Batu. Trash Hero Bintulu yang diketuai Jiki John (ke-3 dari kanan), Ketua Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Bintulu, Mazli bin Hafiz (ke-2 kiri) bersama keluarganya turut serta menyokong acara tersebut.

Fitness and fun came together for Trienekens' staff when team members got together in joint plogging events held in Kuching and Bintulu. An activity that combines walking or jogging with picking up rubbish, plogging encourages people to pick up litter strewn in public places and is an activity that can be easily cultivated in every locality.

Sesi kecerdasan dan keseronokan tercantum apabila staf Trienekens turut serta dalam acara plogging yang diadakan di Kuching dan Bintulu. Acara yang menggabungkan aktiviti berjalan kaki atau jogging dan memungut sampah, 'plogging' menggalakkan masyarakat memungut sampah yang berselerak di tempat awam. Ia merupakan aktiviti yang dapat dipupuk dengan mudah di setiap kawasan.

Charitable Contributions / Sumbangan Dermawan



MAA Medicare is a charitable organisation that offers highly subsidised dialysis treatment to disadvantaged patients. Pictured in the left photo is Trienekens' Division Manager for Corporate Communications, Julian Yu Abit (centre) who handed over the company's contribution to MAA Medicare representatives in November 2019. (right photo) Trienekens' General Manager of Treatment and Disposal, Simon Chow (right) passes over bags of rice to a village representative from Kampung Sidanu for needy members of the community.

MAA Medicare adalah organisasi amal yang menawarkan rawatan dialysis bersubsidi kepada pesakit yang kurang berasib baik. Gambar kiri adalah Pengurus Bahagian Korporat Komunikasi, Julian Yu Abit (tengah) menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil MAA Medicare pada bulan November 2019. (Gambar kanan) Pengurus Besar Rawatan & Pelupusan, Simon Chow (kanan) menyerahkan bekalan beras kepada wakil Kampung Sidanu untuk anggota masyarakat yang memerlukan.

The company's philanthropic activities are driven by a strong desire to uplift and strengthen the local communities it operates in. Besides activities and events, Trienekens' CSR plan also involves corporate philanthropy in support of worthy causes.

Usaha-usaha dermawan syarikat didorong oleh keinginan untuk meningkatkan dan menguatkan komuniti-komuniti sekeliling di tempat ia beroperasi. Selain mengadakan aktiviti-aktiviti dan majlis-majlis, program CSR Trienekens melibatkan usaha-usaha dermawan korporat sebagai tanda sokongan kepada usaha-usaha murni.

Promotions / Kenaikan Pangkat



Stayce Anak Jub
Senior Supervisor, Logistics & Services
Penyelia Kanan, Logistik & Perkhidmatan



Alexander Bin Apan
Supervisor, Landfill Operations & HSE
Penyelia, Operasi Tapak Pelupusan & HSE



Angelica Anak Lawrence Juh
Supervisor, Logistics & Services
Penyelia, Logistik & Perkhidmatan



Anita Anak Fletcher Siner
Senior Assistant, Logistics Maintenance
Pembantu Kanan, Penyelenggaraan Logistik



Elsie Jane Anak Tiran
Senior Administrator
Pentadbir Kanan



Toney Anak Jambau
Mechanic
Mekanik



Hendry A/L Jingei
Machine Operator
Operator Jentera



Charles Anak Giyow
General Operations Assistant 2
Pembantu Operasi Am 2



Gordion Anak Sajod
General Operations Assistant 2
Pembantu Operasi Am 2

New Team Members / Tenaga Kerja Baru

Kuching Headquarters & Depot/ Ibu Pejabat Kuching & Depot



Andrea Rachel Elone
Executive Administrator,
Business Development
*Eksekutif Pentadbiran,
Pembangunan Perniagaan*



Then Chit Siew
Executive, Quality &
Licensing
*Eksekutif, Kualiti &
Perlesenan*



**Melody Christine
Rajit**
Senior Administrator,
Business Development
*Pentadbir Kanan,
Pembangunan
Perniagaan*



**Gary Anak Harry
@ Herry**
Office Assistant
Pembantu Pejabat

Bintulu Branch/ Cawangan Bintulu



**Stephenie Anak
Gregory**
Executive Administrator,
Scheduled Waste
Operations
*Pentadbir Eksekutif,
Operasi Sisa Terjadual*



**Mohd Haziq Bin
Hateni**
Office Assistant
Pembantu Pejabat

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win a SONY Portable Bluetooth Speaker.

Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang memenangi sebuah Speaker Bluetooth Mudah Alih SONY.



Congratulations to Jong Suk Fui, winner of last issue's Spot the Difference contest. Suk Fui brought home a SONY Portable Bluetooth Speaker!

Tahniah kepada Jong Suk Fui, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Suk Fui membawa balik sebuah Speaker Bluetooth Mudah Alih SONY!



Please send in your entry to the following address before **15 October 2020**. Late entries will not be entertained.

Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum **15 Ocktober 2020**. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.

**Corporate Communications Division,
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.**
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLB,
93250 Kuching, Sarawak.

Personal Details/ Butiran Peribadi

Name/Nama _____

IC No./No. KP _____

Are you a Trienekens' Staff?/Adakah anda pekerja Trienekens?

(If yes / Jika ya) Trienekens' Employee No. / No. Pekerja Trienekens:

Yes/Ya

No/Tidak

Address/Alamat _____

Tel. No./No. Tel _____



Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)
“Your Trusted Partner In Environmental Management”

Headquarters (Kuching)

216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6082 610700
Hotline : +6082 612300
Fax : +6082 620120
Email : customercare@trienekens.com.my

Bintulu Branch & Depot

Lot 4034 Block 26,
Kemena Land District,
Kidurong Light Industrial Estate,
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6086 253959
Fax : +6086 253115
Email : customercare@trienekens.com.my